

Barisan hadapan buru kartel

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tidak kira sama ada di lorong tikus sempadan hingga ke pintu masuk utama negara, Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA) berdiri di barisan hadapan memburu kartel penyeludupan.

Malah, COBRA terus menjadi mimpi ngeri buat sindiket penyeludupan apabila berjaya melumpuhkan aktiviti jenayah berisiko tinggi didalangi kartel dan rangkaian penyeludupan rentas sempadan.

Kejayaan itu membuktikan ketegasan dan keupayaan pasukan berkenaan dalam memburu sindiket terancang yang cuba mengaut keuntungan haram dengan memperdagangkan keselamatan dan kedaulatan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, dalam tempoh lima tahun, pasukan elit kastam itu merampas pelbagai komoditi termasuk dadah bernilai RM1.31 bilion.

"Dalam tempoh itu, pasukan elit ini merekodkan rampasan melebihi RM637 juta membabitkan komoditi, kes berkaitan dadah pula mencecah rampasan RM668.55 juta dalam tempoh tiga tahun.

"Sasaran utama operasi tertumpu kepada aktiviti penyeludupan berisiko tinggi khususnya membabitkan rokok, minuman keras, dadah, senjata api, hidupan liar, pemerdagangan migran serta apa-apa komoditi lain yang dikendalikan oleh sindiket terancang, kartel dan rangkaian penyeludupan rentas sempadan," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Anis berkata, operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JKDM memberikan impak yang signifikan terhadap pasaran rokok seludup dan dadah khususnya daripada segi gangguan rantai bekalan serta peningkatan tahap risiko kepada sindiket penyeludupan.



ANIS Rizana (depan) bersama anggota ditauliah sebagai anggota unit taktikal COBRA di Kem Pasukan Gerakan Am (PGA) Ulu Kinta, Perak.



Sasaran utama operasi tertumpu aktiviti penyeludupan berisiko tinggi babit rokok, arak, dadah, senjata, hidupan liar, pemerdagangan migran serta komoditi terancang, kartel dan rangkaian penyeludupan rentas sempadan"

Anis Rizana

berterusan dan tersusun.

"Berdasarkan kajian oleh British American Tobacco (BAT), pasaran rokok kontraband menunjukkan trend penurunan sejak lima tahun kebelakangan ini iaitu daripada 63 peratus pada 2020 kepada 54 peratus setakat Julai tahun lalu," katanya.

Menurut Anis, bagi komoditi dadah, secara keseluruhannya jumlah rampasan oleh jabatan itu termasuk yang dilaksanakan oleh pasukan COBRA menunjukkan peningkatan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan.

"Pendekatan penguatkuasaan berimpak tinggi ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan operasi lapangan dan risiko kepada sindiket penyeludupan malah bertindak sebagai faktor pencegahan yang berkesan.

"Secara keseluruhannya, kehadiran pasukan COBRA di lapangan memperkukuh kawalan sempadan negara, menutup ruang eksploitasi sindiket rentas sempadan serta menyumbang secara langsung kepada pemeliharaan keselamatan negara dan kestabilan ekonomi nasional," katanya.



ANGGOTA unit taktikal COBRA menjalani latihan intensif di Kem PGA Ulu Kinta, Perak.

COBRA sedia lindung setiap sen hasil negara

Kuala Lumpur: Tugas memungut hasil negara bukan sekadar duduk di pejabat namun pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) turut berdepan kes simbah an asid, ancaman tonto, malah ugutan bunuh terhadap keluarga.

Malah, ramai tidak tahu bahawa penubuhan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA) bertitik tolak daripada tragedi yang menimpa mantan Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman dan Cukai Dalam Negeri) yang maut ditembak ketika dalam perjalanan ke tempat kerja di Putrajaya pada 26 April 2013.

COBRA menjadi benteng yang memastikan setiap sen hasil negara dilindungi dan setiap pegawai pulang ke rumah dengan selamat.

Ketua Pengarah JKDM Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, pasukan COBRA adalah se-

28 November 2016.

Menurutnya, kes tembak mati pegawai menggambarkan tahap risiko keselamatan yang tinggi diperlukan oleh pegawai JKDM dalam melaksanakan tugas memungut hasil negara, menguatkuasakan undang-undang, memberi fasilitasi perdagangan dan mencegah penyeludupan serta pelarian cukai.

"Selain itu, pegawai JKDM turut berdepan pelbagai bentuk ancaman dan ugutan termasuk kejadian bunuh dan ugutan bunuh, insiden khianat yang menyasarkan kediaman serta kenderaan peribadi, ugutan terhadap diri dan keluarga pegawai, perbuatan khianat seperti simbah an asid atau cat ke atas harta benda serta gangguan berterusan oleh tonto dan sindiket penyeludupan.

"Melihat kepada ancaman bahaya dan risiko keselamatan yang dihadapi oleh pegawai JKDM da-

pasukan COBRA secara rasmi dengan struktur perjawatan yang tetap dan pengurusan yang lebih sistematik," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Anis berkata, JKDM menerima kelulusan rasmi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi penubuhan Tim Nukleus COBRA pada 1 Januari tahun lalu.

"Selaras dengan keputusan itu, struktur perjawatan COBRA diletakkan di bawah seliaan dan menerima arahan secara terus daripada Ketua Pengarah Kastam.

"Antara objektif utama penubuhan pasukan COBRA adalah bertindak sebagai pasukan tindakan respons awal bagi maklumat-maklumat perisikan yang disalurkan oleh Cawangan Risikan JKDM, agensi penguatkuasaan lain dan juga orang awam," katanya.

Beliau berkata, pasukan itu juga

JKDM yang mengendalikan kes berprofil dan berisiko tinggi khususnya membabitkan kes dadah dan penyeludupan rentas sempadan.

"Selain itu, ia juga menjadi pelindung keselamatan kepada pegawai dan aset JKDM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di lapangan daripada ancaman keselamatan," katanya.

Menurut Anis, buat masa ini pasukan COBRA sedang memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh keupayaan anggota melalui pelbagai latihan khusus.

"Anggota dihantar mengikuti latihan bersama pasukan khas negara bagi mempertingkatkan kemahiran team 'assault', manakala anggota yang melepasi usia 40 tahun disasarkan untuk mengikuti kursus Train of Trainers (TOT).

"Pendekatan ini bertujuan melahirkan jurulatih dalaman setela-